

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : KEGANASAN RUMAHTANGGA SEMASA PKP**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapa kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?
  - b) Apa bantuan dan sokongan telah diberi kepada mangsa-mangsa oleh Kerajaan Negeri?
  - c) Apa yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengelak kes keganasan rumah tangga berulang lagi?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan statistik, bilangan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sebanyak 90 kes. Statistik kes mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH KES	BIL	DUN	JUMLAH KES
1.	N01: Sungai Air Tawar	-	29.	N29: Seri Serdang	-
2.	N02: Sabak	-	30.	N30: <del>Kinrara</del>	3
3.	N03: Sungai Panjang	-	31.	N31: Subang Jaya	-
4.	N04: Sekinchan	-	32.	N32: Seri Setia	1
5.	N05: Hulu Bernam	-	33.	N33: Taman Medan	-
6.	N06: Kuala Kubu Bharu	2	34.	N34: Bukit Gasing	7
7.	N07: Batang Kali	3	35.	N35: Kampung Tunku	-
8.	N08: Sungai <del>Burong</del>	-	36.	N36: Bandar Utama	-
9.	N09: Permatang	1	37.	N37: <del>Bukit Lanjan</del>	4
10.	N10: Bukit Melawati	-	38.	N38: Paya Jaras	1
11.	N11: <del>Ijok</del>	-	39.	N39: Kota <del>Damansara</del>	-
12.	N12: Jeram	3	40.	N40: Kota Anggerik	10
13.	N13: Kuang	-	41.	N41: Batu Tiga	-
14.	N14: Rawang	3	42.	N42: <del>Meru</del>	1
15.	N15: Taman <del>Templer</del>	3	43.	N43: <del>Semente</del>	1
16.	N16: Sungai Tua	-	44.	N44: Selat Klang	2
17.	N17: Gombak Setia	4	45.	N45: Bandar Baru Klang	-
18.	N18: Hulu Kelang	2	46.	N46: Pelabuhan Klang	1
19.	N19: Bukit Antarabangsa	-	47.	N47: <del>Pandamaran</del>	-
20.	N20: Lembah Jaya	3	48.	N48: Sentosa	3
21.	N21: Pandan	-	49.	N49: Sungai Kandas	3
22.	N22: Teratai	-	50.	N50: Kota Kemuning	1
23.	N23: Dusun Tua	3	51.	N51: <del>Sijangkang</del>	1
24.	N24: Semenyih	2	52.	N52: Banting	2
25.	N25: Kajang	4	53.	N53: <del>Morib</del>	1
26.	N26: Sungai Ramal	4	54.	N54: <del>Tanjang Sepat</del>	1
27.	N27: <del>Balakong</del>	4	55.	N55: Dengkil	4
28.	N28: Seri Kembangan	-	56.	N56: Sungai Pelek	2
<b>JUMLAH</b>				<b>90</b>	

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Tahun 2020

- b) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap kebajikan mangsa keganasan rumah tangga. Di antara tindakan-tindakan yang diambil bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- a. membantu mangsa keganasan rumah tangga bagi memfailkan permohonan Perintah Perlindungan Interim di mahkamah;
  - b. mengadakan dan mengatur pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif/ tempat selamat/ tempat berlindung sekiranya mangsa memerlukan;
  - c. mengadakan dan menguruskan pengangkutan bagi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya diperlukan;
  - d. memberi penerangan dan advokasi kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;
  - e. menemani mangsa ke kediamannya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya;
  - f. memberi sokongan bantuan kewangan menerusi Tabung Bantuan Segera (TBS) atau mana-mana skim bantuan kewangan bulanan kendalian JKM sekiranya mangsa layak dan memerlukan; dan
  - g. menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan kepada mangsa yang memerlukan.
- c) Kerajaan Negeri berpendapat, isu keganasan rumah tangga ini memerlukan pengembangan tenaga dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan ianya dapat dibendung. Selain daripada tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama erat dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO) yang bergiat aktif dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dengan melaksanakan program kesedaran awam terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan juga membantu pihak Kerajaan Negeri mewujudkan Komuniti Selamat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SISTEM PANGKALAN DATA DAN MAKLUMAT  
WARGA MISKIN DI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan di masa hadapan terdekat bagi membangunkan sistem pangkalan data warga miskin di Selangor supaya Kerajaan Negeri mempunyai maklumat penuh mengenai status pendapatan keluarga serta bantuan-bantuan yang telah diterima oleh mereka dari pelbagai pihak?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Utama, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi sentiasa prihatin dan peka dalam membantu meringankan beban hidup rakyat. Kepekaan ini telah direalisasikan melalui program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi sendiri, program pembasmian kemiskinan dan pengupayaan ekonomi telah dilaksanakan sejak tahun 2008 lagi. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah berjaya memberi manfaat kepada 4,506 orang miskin di negeri Selangor manakala Program Pemberian Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan telah berjaya membantu seramai 609,632 orang miskin dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM60,963,200.00.

Oleh yang demikian, dalam usaha menambah baik program-program sedia di bawah bantuan IPR, Kerajaan Negeri sedang membangunkan satu sistem yang dipanggil Sistem *Smart* Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) yang bertujuan untuk memudahkan rakyat dalam membuat permohonan dan membantu Kerajaan Negeri dalam pengurusan dan pemantauan maklumat serta data keseluruhan IPR. Melalui SSIPR ini, kesemua 33 program di bawah IPR akan disatukan di dalam satu gerbang informasi bagi membolehkan rakyat mendapat maklumat dan mendaftar secara dalam talian bagi inisiatif yang layak dimohon dengan lebih mudah. Projek SSIPR telah dibangunkan secara berkala dan akan siap sepenuhnya pada November 2020.

Sistem ini secara tidak langsung akan mewujudkan satu pengkalan data bagi kesemua rakyat Negeri Selangor khususnya warga miskin mengenai maklumat pemohon, pandapan individu mahupun isi rumah dan segala inisiatif yang telah diterima oleh mereka dari Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi SSIPR selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadi *Premier Regional Smart State* menjelang tahun 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dalam RM yang telah disalurkan oleh Kerajaan Selangor sepanjang tempoh menghadapi penularan COVID-19. Nyatakan pecahan atau tujuan kegunaan dana yang disalurkan.

**JAWAPAN:**

**Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan mulut No. 73 (a) dan (c) – Covid - 19 dari Hulu Kelang, No. 228 – Perbelanjaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Mac – Jun) dari Bukit Lanjan, No. 285 – Bantuan Covid – 19 dari Sungai Burong, dan No. 293 (a) dan (b) – Bantuan Rakyat dari Sungai Air Tawar.**

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk di Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM413.933 juta.

Perincian setiap inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti di **Lampiran I**.

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Insentif sebanyak RM200 ( <i>One Off</i> ) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1,200,000.00	1,186,200.00	5,931
2	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor		192,096.00	2,161
3	Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa	600,000.00	600,000.00	2,733

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
4	Peningkatan had nilai dari RM20 ribu kepada RM30 ribu bagi Program/Aktiviti Mesra Rakyat untuk pembelian keperluan asas	1,680,000.00	1,680,000.00	33,600
5	Pemberian insentif sebanyak RM500 (One Off)	40,000,000.00	11,442,000.00	22,884
6	Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT Kepada Penjaja/ Peniaga Berlesen	12,000,000.00	2,784,591.00	12,516
7	Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH Selangor	70,000,000.00	70,000,000.00	39,818
8	Bantuan sara diri sebanyak RM200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah/ Sarawak	500,000.00	141,400.00	986
9	Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS	1,800,000.00	37,200.00	270
10	Program memudahcara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir	49,800.00	49,800.00	1365
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK FASA I</b>	<b>127,829,800.00</b>	<b>88,113,287.00</b>	<b>122,264.00</b>

BIL	INSENTIF FASA KEDUA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Insetif Penjagaan Anak-anak <i>Frontliner</i> bagi setiap keluarga untuk tempoh 2 bulan	1,500,000.00	63,300.00
2	Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan	1,340,000.00	326,080.00
3	Bantuan makanan kepada petugas media dan petugas keselamatan	100,000.00	93,472.00
4	Keperluan <i>Task Force COVID Selangor</i>	50,000.00	50,000.00
5	Bas Smart Selangor dari KLIA ke hotel	560,000.00	2,038,274.00
6	Membekalkan topeng muka, <i>hand sanitizer</i> , dan sarung tangan	2,000,000.00	2,621,500.00
7	Operasi stesen kuarantin: petempatan <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) di ILIM dan ILKAP	3,000,000.00	927,919.03
8	Penambahbaikan Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	42,500,000.00
9	Saringan/ <i>mass-test</i> di kawasan <i>hot spot</i> wabak Covid (2 kali penyaluran RM1.35 juta + RM2.06 juta)	3,410,000.00	3,660,000.00

10	Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti COVID-19 (RM1 ribu setiap pesakit)	<b>1,800,000.00</b>	<b>162,000.00</b>	<b>198</b>
11	Pengurusan kesihatan mental melalui kelas interaktif alam maya.	<b>1,000,000.00</b>	<b>151,900.00</b>	<b>162,400</b>
12	Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Pertama Tahun 2020	<b>12,850,000.00</b>	<b>12,852,374.00</b>	<b>691,945</b>
13	Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat ADUN dari RM20K kepada RM30K (2 kali penyaluran RM1.68 juta x 2 kali)	<b>3,360,000.00</b>	<b>3,360,000.00</b>	<b>67,200</b>
14	Pemberian kepada Ahli Majlis sebanyak RM10k/ RM5k	<b>2,750,000.00</b>	<b>2,442,462.91</b>	<b>55,000</b>
15	Peluasan Skop bagi peruntukan MPKK/KKI (RM5k)	<b>2,480,000.00</b>	<b>2,480,000.00</b>	<b>49,600</b>
16	Bantuan kewangan RM400 kepada penerima program <i>Blueprint</i> kumpulan F&B yang terjejas	<b>460,000.00</b>	<b>430,000.00</b>	<b>1,075</b>
17	Bantuan Makanan Asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM1,500 ke bawah)	<b>500,000.00</b>	<b>500,000.00</b>	<b>5,000</b>
18	Bantuan Kepada Petani/Penternak/ Nelayan/IAT	<b>1,500,000.00</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>2,669</b>

19	<i>Sustainability of food supply -</i> pemasaran produk hasil segar dan proses di bawah Program Selangor Agro Market (SAM)	<b>1,000,000.00</b>	<b>1,000,000.00</b>	<b>275</b>
20	Inisiatif Digital Selangor Grab	-	<b>0.00</b>	
21	Membangunkan platfom e- <i>learning</i>	<b>700,000.00</b>	<b>246,304.00</b>	<b>82,279</b>
22	Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	<b>6,000,000.00</b>	<b>6,000,000.00</b>	<b>3,991</b>
23	Bantuan makanan untuk mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL dan KUIS	<b>760,000.00</b>	<b>73,920.00</b>	<b>330</b>
24	Perlanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak sehingga 31 Julai 2020 tanpa dikenakan caj fi denda lewat.	-	<b>0.00</b>	<b>2,031,495</b>
25	Tempoh bayaran Premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP	<b>87,810,000.00</b>	<b>87,810,000.00</b>	-
26	Perlanjutan tarikh perserahan urusniaga dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
27	Perlanjutan tarikh pungutan dokumen dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		

28	Tabung Khas Bantuan COVID-19	8,000,000.00	2,137,614.70	-
29	Inisiatif Selangor Pay	100,000,000.00	-	-
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA</b>	<b>285,430,000.00</b>	<b>173,427,120.64</b>	<b>3,384,482</b>

BIL	INSENTIF FASA KEDUA (TAMBAHAN)	IMPAK KEWANGAN	PERBELANJAAN	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Penyaluran peruntukan sebanyak RM20K kepada YB Senator bagi tujuan pemberian keperluan asas	40,000.00	40,000.00	800
2	Pemberian sumbangan kepada masyarakat orang asli (dalam bentuk barang keperluan asas bernilai RM50 bagi setiap keluarga)	297,000.00	288,056.90	5,812
3	Bantuan Susu Bayi & Lampin Pakai Buang Melalui 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor	336,000.00	336,000.00	5,829
<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA (TAMBAHAN)</b>		<b>673,000.00</b>	<b>664,056.90</b>	<b>12,441</b>

<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN</b>	<b>413,932,800.00</b>	<b>262,204,464.54</b>	<b>3,519,187</b>
------------------------------------------	-----------------------	-----------------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PEMILIKAN RUMAH (HOC) KEPADA PEMBELI WARGA ASING**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapa bilangan rumah mewah yang tidak terjual di Negeri Selangor? Mohon nyatakan mengikut daerah.
  - b) Berapakah bilangan rumah mewah yang terjual dan manfaat kewangan kepada Kerajaan Negeri?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia membuka penjualan rumah mewah ini kepada warga asing?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada definisi yang jelas menerangkan istilah rumah mewah di Negeri Selangor.
- b) Pejabat Tanah dan Galian Selangor melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2020 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 36/2019 mengadakan Program Khas Berkennaan Had Harga Jualan Dan Perolehan Hartanah Bagi Warganegara Asing di Negeri Selangor.
- c) Melalui pekeliling ini, rumah dari jenis banglo dan teres berkembar berharga minimum RM 2,000,000.00 (dua juta) yang belum terjual oleh pemaju dan telah mendapat *Certificate Of Completion And Compliance (CCC)* sehingga tahun 2018 boleh dijual kepada warganegara asing. Program khas ini sah sehingga 31 Disember 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN**  
**(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : TARAF EKONOMI LUAR BANDAR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan-bantuan Kerajaan yang tersedia untuk para usahawan desa?
- b) Adakah Kerajaan telah mengenalpasti produk-produk khusus untuk dijenamakan sebagai "Made in Selangor"?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi telah merangka dan melaksanakan pelbagai program yang memfokuskan pemberdayaan ekonomi desa dan kampung tradisi. Di antara program terkini yang telah dilaksanakan ialah Program Sarang Ekonomi Desa yang telah dijalankan bermula tahun 2019 sebagai satu inisiatif baharu untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan golongan B40. Objektif utama program ini adalah untuk merancakkan serta mempelbagaikan aktiviti perniagaan khususnya di lokasi tumpuan pelancong. Kerajaan Negeri berhasrat agar program ini bukan sahaja memacu pembangunan lestari kawasan luar bandar tetapi meningkatkan tahap pendapatan penduduk tanpa perlu berhijrah ke kawasan bandar. Potensi pendapatan baharu dan tambahan boleh dijana melalui khidmat promosi pelancongan, restoran dan hidangan makanan tempatan, produk hiliran, penginapan, cenderamata dan kraftangan serta rekreasi kampung yang bakal memberi manfaat kepada peserta program.
- b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan usaha mempromosi produk-produk keluaran usahawan tempatan ke pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi mempertingkat mutu dan kebolehpasaran produk keluaran Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menganjurkan program Pembungkusan Produk *Made In Selangor*. Melalui program-program promosi yang dijalankan, banyak produk keluaran usahawan Selangor mempunyai potensi untuk diketengahkan. Dalam usaha untuk memastikan kualiti produk yang dihasilkan menepati standard yang ditetapkan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah dana pada setiap tahun bagi melaksanakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor*. Melalui program ini, para usahawan akan diberi latihan dan bimbingan bagi menambah baik mutu pembungkusan dan

penjenamaan produk mereka. Produk-produk ini akan menerima label *Made In Selangor* sebagai pengiktirafan kualiti pembungkusan produk tersebut. Sehingga kini hampir 70 usahawan menerima bantuan pembungkusan tahap asas dan 24 usahawan menerima bantuan bagi pembungkusan tahap pertengahan. Usahawan yang telah mengikuti program ini berpotensi untuk membawa produk mereka ke rangkaian pasaraya dan platform antarabangsa. Buat masa ini, program tersebut terbuka kepada semua kategori produk dan kriteria pemilihan untuk program ini adalah seperti berikut:

- i. beroperasi di negeri selangor;
- ii. warganegara atau pemastautin di negeri selangor;
- iii. mempunyai tahap pengeluaran yang stabil; dan
- iv. berdaftar dengan PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI KAWALAN PEMBAKARAN TERBUKA**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kes yang berlaku dan prestasi kawalan pada tahun ini berbanding 3 tahun yang lalu?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor dari 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 982 aduan pembakaran terbuka yang diterima, berbanding tempoh yang sama pada 3 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL. ADUAN (JAN – JUN)	BIL. KESELURUHAN ADUAN
2019	992	2054
2018	488	1516
2017	418	1066

JAS Negeri Selangor juga telah mengambil tindakan perundangan berupa tawaran kompaun dan kertas siasatan ke atas kes-kes pembakaran terbuka yang berasas dan dapat dikenalpasti pelaku atau pemilik tanah. Berikut merupakan bilangan tindakan perundangan yang telah diambil:

TAHUN	TAWARAN KOMPAUN	KERTAS SIASATAN
2020	14	1
2019	49	2
2018	62	9
2017	24	9

Bagi mengurangkan kes pembakaran terbuka, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:-

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka;
- (ii) JAS menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
- (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “checkdam” dan pembinaan telaga air tanah (*tubewell*) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang telah berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
- (v) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar seperti kebakaran hutan simpan dan tapak pelupusan sampah haram untuk mengambil tindakan bersepodu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
- (vi) Bagi membantu untuk mempercepatkan pemadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan Bombardier untuk pemadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor ;
- (vii) Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas

tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan

- (viii) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.
- (ix) JAS menerbitkan Pelan Tindakan / Prosedur Operasi Standard berkaitan pembakaran terbuka melalui dokumen seperti berikut:
  - a. Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan
  - b. Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan
  - c. Prosedur Tetap Operasi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu Di Malaysia

Dari segi prestasi kawalan pada tahun ini, tindakan pencegahan pembakaran terbuka telah dipertingkatkan melalui pengawasan menggunakan ‘drone’ yang dapat mengesan pembakaran terbuka di kawasan yang sukar dilalui dan membolehkan tindakan pemadaman yang cepat diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU PENYEWA KEDAI PBT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi kelonggaran kepada peniaga dari segi pengurangan sewa, penyediaan tempat yang kondusif untuk peniaga serta pengunjung serta lain-lain inisiatif bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang terjejas akibat COVID?

**JAWAPAN:**

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 64 daripada Y.B. Gombak Setia.

- a) Selama ini, kerajaan negeri melalui PBT juga telah menghasilkan peluang penjajaan kepada rakyat Selangor khususnya mengikut kekosongan unit/ tapak gerai yang sedia ada.

Sedar akan desakan yang dihadapi akibat penularan COVID 19, Kerajaan Negeri telah memberi kelonggaran kepada peniaga dari segi pengurangan sewa premis PBT bagi bulan April 2020 dan kelayakan pengecualian adalah kepada penyewa yang telah mempunyai lesen tahun 2020 serta mematuhi komitmen bayaran sewa bulanan.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memberikan pengecualian sewaan bagi bulan Mei tahun 2020 sebagai inisiatif membantu peniaga yang terjejas akibat Covid-19.

Selain itu, kerajaan negeri Selangor telah menyediakan insentif RM 500 kepada para penjaja dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Sebanyak 22884 di seluruh negeri Selangor telah mendapat manfaat tersebut dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11442,000.00.

Persediaan latihan dan pemantauan kaedah perlaksanaan aktiviti norma baharu bagi memastikan pengunjung merasa selamat dan selesa untuk kembali mengunjungi gerai-gerai dan premis-premis perniagaan juga merupakan salah satu usaha bagi membantu pemuliharaan semula ekonomi pada pasca COVID 19 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI**  
**(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PENCEGAHAN BANJIR**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Projek infrastruktur dan tebatan banjir yang telah dan akan dilaksanakan di Daerah Kuala Selangor bagi mengurangkan risiko banjir?
- b) Apakah status Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, di dalam tempoh 2016 hingga 2020 di bawah peruntukan RMK11 terdapat 4 buah projek menaiktaraf infrastruktur telah diluluskan bagi mengurangkan risiko banjir yang melibatkan kos berjumlah RM17.4 juta melalui Jabatan Pengairan dan Saliran. 3 projek telah siap dilaksanakan iaitu:
  - i. Projek Kawalan Hakisan dan Memperkuuh Benteng Pantai Kawasan Pertanian Daerah Kuala Selangor (RM6.2 juta). Tarikh siap projek ialah pada 28 Jun 2018.
  - ii. Projek Kerja-kerja Membina, Membekal dan Mengujiaya Pam, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja Berkaitan di Rumah Pam Kg. Asahan Daerah Kuala Selangor (RM4.7 juta). Tarikh siap projek ialah pada 19 Disember 2018.
  - iii. Projek Kerja-kerja Membina Membekal, Memasang dan Mengujiaya Pintu Air, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja-kerja Berkaitan di Pintu Air Compartent D, Kg. Harmoni Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor (RM2 juta). Tarikh siap projek ialah pada 30 November 2019.

Manakala 1 lagi projek sedang dalam pelaksanaan iaitu:

- i. Projek Kerja-kerja Membina Membekal, Memasang dan Mengujiaya Pam, Kerja-kerja Elektrik Serta Kerja-kerja Berkaitan di Pintu Air Parit Merbau, Parit Mahang, Daerah Kuala Selangor. (RM4.5 juta) dan dijangka siap pada Februari 2021.

Bagi projek akan datang yang akan dilaksanakan adalah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh (Fasa 1) yang melibatkan 17.5km jajaran sungai bermula dari pekan lama Sungai Buloh dengan skop kerja seperti mendalamkan sungai, membina benteng kiri dan kanan sungai, pintu air dan rumah pam.

- b) Status terkini projek RTB Sungai Buloh adalah Lembaga Perolehan Kementerian Alam Sekitar dan Air telah bersidang pada 29 Jun 2020. Jabatan sedang menunggu keputusan rasmi daripada pihak kementerian.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **SENARAI PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN DARI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

Bil	Tajuk Projek	No Kontrak	Kos Projek Asal	Status Terkini	Kontraktor
1	Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkuuh Benteng Pantai Di Kawasan Pertanian Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.	JPS/N/SEL/PT /42/2016	RM 6,209,457.74 (+GST)	Telah Siap	NADA HAKIKI SDN BHD
2	Projek Kerja-Kerja Membina , Membekal,Memasang Dan Mengujijaya Pam, Kerja-Kerja Elektrik Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pam Kg.Asahan , Daerah Kuala Selangor Untuk Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor.	JPS/P/SEL/MK /2/2017	RM 4,732,594.72 (+ GST)	Telah Siap	SME ENGINEERING (M) SDN BHD
3	Projek Kerja-Kerja Membina , Membekal,Memasang Dan Mengujijaya Pintu Air,, Kerja-Kerja Elektrik Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pintu Air Compartent D, Kg.Harmoni, Mukim Ijok , Daerah Kuala Selangor Untuk Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	JPS/N/SEL/M K/16/2018	RM 1,994,600.00	Telah Siap	SAHABAS SDN BHD
4	Projek Kerja-Kerja Membina , Membekal,Memasang Dan Mengujijaya Pam, Kerja-Kerja Elektrik Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pintu Air Parit Merbau , Parit Mahang , Daerah Kuala Selangor Untuk Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor.	JPS/P/SEL/MK /37/2018	RM 4,478,854.50	Dalam Perlaksana an	TUAH BINA NIAGA SDN BHD

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN PASCA COVID-19**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan di negeri Selangor pasca Covid-19?
- b) Apakah bantuan kepada pekerja-pekerja sektor pelancongan yang terjejas pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah penggiat Industri Pelancongan Negeri bagi membangun dan memulihkan semula industri ini dalam situasi Covid-19 seperti yang berikut:
  - i) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan ‘one-off’ kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras homestay berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pegumpulan duta kecil pelancongan Selangor.
  - ii) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00).
  - iii) Penganjuran Kempen Promosi Pelancongan “Pusing Selangor Dulu” yang memberi penekanan kepada pasaran domestik.
  - iv) Aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti MITA e-Travel Fair dan MITA “Business to Business” Inbound Marketplace dan penganjuran program promosi Selangor E-Travel Fair dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka
  - v) Penganjuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Johor, Pulau Pinang dan Terengganu.

- vi) Kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan ‘*Outdoor Billboard*’, ‘*Unipole*’ dan ‘*Digital Billboard*’ di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
  - vii) Pengajuran program Familiarization Trip (FAM Trip) yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa
  - viii) Penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara 9 Daerah di Negeri Selangor
  - ix) Pengajuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 
- b) Sehingga kini tiada bantuan khusus kepada pekerja-pekerja sektor pelancongan yang terjejas pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak Kerajaan Negeri memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan ‘one-off’ kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras homestay berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pengumpulan duta kecil pelancongan Selangor. Serta, pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana penyampaian keputusan lulus atau tidak dari pihak Selcare?
- b) Kelayakan untuk KISS berdasarkan pada kelayakan E Kasih atau BSH melebihi dari kuota yang di beri . Apakah ada penambahan kuota untuk skim KISS dan juga PEDULI SIHAT.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali kepada Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bertanggungjawab memproses dan menyediakan kad penerima Program KISS bagi setiap kelulusan nama-nama pemohon yang telah disaring dan dikemukakan oleh Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM) kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd. Setelah selesai proses mencetak, kad-kad berkenaan akan diberikan kepada pihak PKM untuk diserahkan kepada penerima yang berjaya di DUN masing-masing.

(Sumber : Selcare Management Sdn Bhd)

- b) Sebagaimana ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, salah satu syarat bagi penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan Skim Peduli Sihat (SPS) adalah penerima berkenaan perlulah berdaftar di dalam sistem Pangkalan Data Kemiskinan Nasional iaitu Sistem eKasih dan dikategorikan sebagai miskin atau miskin tegar; atau merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH). Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju menambah bilangan penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sebanyak 5,000 orang yang menjadikan jumlah keseluruhan terkini ialah sebanyak 25,000 orang berbanding 20,000 pada tahun 2019 dengan jumlah peruntukan yang terlibat sebanyak RM62juta.

Manakala bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat pula, Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk menambahbaik Skim Peduli Sihat kepada Skim Insurans Peduli Sihat bermula April 2020 di mana Skim Insurans Peduli Sihat ini lebih

komprehensif dengan manfaat perlindungan insurans asas kepada pemegang polisi. Penambahbaikan ini meliputi perlindungan asas insurans seperti berikut:

- i. Rawatan kesihatan asas (rawatan pesakit luar);
- ii. Kematian atau hilang upaya kekal disebabkan kemalangan;
- iii. Khairat kematian;
- iv. Penyakit kritikal; dan
- v. Kematian atau hilang upaya kekal akibat penyakit/musibah.

Walaupun Skim Insurans Peduli Sihat ini baru mula diaktifkan pada April 2020, namun pemegang polisi layak menerima manfaat insurans asas bermula Januari 2020 dengan tempoh sah laku polisi sehingga Disember 2021 dan akan diperbaharui sekiranya pemegang polisi masih lagi memenuhi kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan. Kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan adalah masih sama seperti skim terdahulu iaitu:

- i. Berpendapatan isi rumah sebanyak RM2,000.00 dan ke bawah;
- ii. Mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH) atau tersenarai di bawah program e-Kasih; dan
- iii. Kad aktif dalam tempoh dua (2) tahun.

Kerajaan Negeri bersetuju menambah bilangan pemegang polisi daripada 65,000 orang sebelum ini kepada 85,000 pemegang polisi dengan pembahagian seperti berikut:

- i. Sebanyak 18,000 polisi diperuntukkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria dan syarat kelayakan berdasarkan pendapatan terendah daripada senarai pemohon. Kuota ini tidak tertakluk kepada kuota DUN;
- ii. Sebanyak 1,000 kad diperuntukkan kepada ketua kampung tradisi, ketua kampung baru cina, ketua komuniti india, kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat DUN, penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan kakitangan pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berpendapatan RM2,000.00 dan ke bawah;
- iii. Sebanyak 200 kad diperuntukkan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang tidak tersenarai daripada kuota DUN; dan
- iv. Sebanyak 800 polisi untuk kes-kes terpencil.

(Sumber maklumat Skim Peduli Sihat dari Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PRESTASI PELABURAN**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berikan perbandingan serta faktor yang mempengaruhi prestasi pelaburan suku kedua 2019 dan 2020.
  - b) Bilakah Kerajaan Negeri menjangka prestasi pelaburan kembali pulih dan apakah faktor yang mendorong?

**JAWAPAN:**

- a) Perbandingan yang mempengaruhi prestasi pelaburan suku kedua 2019 dan 2020 tidak dapat dinyatakan kerana statistik kelulusan projek perkilangan bagi tahun 2020 masih belum dikeluarkan oleh pihak MIDA. Namun begitu, pihak Invest Selangor menjangkakan prestasi pelaburan bagi tahun 2020 akan turut menghadapi kesan langsung akibat Pendemik Covid 19 dan juga dari Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan kepada aktiviti pelaburan di dalam sektor perkilangan di Negeri ini.
- b) Berdasarkan laporan daripada UNCTAD's World Investment Report, prestasi pelaburan langsung asing (FDI) di peringkat global akan mengalami penyusutan sebanyak 40% pada tahun 2020 ini, kesan daripada Pendemik Covid19 dan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh negara – negara yang terkesan. Laporan tersebut juga menyatakan jangkaan akan berlakunya penyusutan FDI global sebanyak 5% - 10% pada tahun 2021. Namun begitu, senario ini dijangkakan akan pulih secara beransur – ansur pada tahun 2022 kesan daripada perlaksanaan perintah kawalan pergerakan pemulihan yang sedang berlangsung sekarang ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROJEK INFRASTRUKTUR DI NEGERI SELANGOR**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek yang tertangguh, terbatal dan diteruskan mengikut jumlah peruntukan selepas pertukaran Kerajaan Persekutuan pada awal tahun 2020
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek tersebut dapat diteruskan bagi memastikan kepentingan rakyat dijamin?

**JAWAPAN:**

- a) Pertukaran Kerajaan Persekutuan tidak memberi kesan terhadap penangguhan dan pembatalan projek-projek yang sedia ada. Projek-projek Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di Negeri Selangor masih lagi diteruskan tanpa campur tangan mana-mana pihak. Selain daripada itu, proses untuk merancang projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) masih lagi di dalam pelaksanaan Kerajaan Persekutuan. Tambahan pula, sempena Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor turut menerima peruntukan sebanyak RM5 Juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan projek Infrastruktur Awam dan Infrastruktur Asas (PIA/PIAS) di setiap daerah di Negeri Selangor. Bagi pelaksanaan projek di bawah Kerajaan Negeri pula, ianya dilaksanakan mengikut perancangan dan tiada projek yang dibatalkan disebabkan pertukaran Kerajaan Persekutuan.
- b) Sepertimana projek-projek lain, pelaksanaan projek-projek sentiasa dipantau oleh Kerajaan Negeri didalam usaha memastikan pelaksanaannya dapat disempurnakan dalam tahun semasa. Di dalam usaha ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sentiasa memantau laporan prestasi bulanan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi pelaksana. Selain itu, pemantauan projek turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Teknikal Perancangan dan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negeri (JKTPN) yang dilaksanakan setiap suku tahun. Manakala bagi projek-projek yang lewat jadual, pelaksanaan projek akan dipantau dan dibincangkan secara terperinci melalui mesyuarat khas bagi menilai projek-projek yang rendah prestasi di dalam kemajuan projek. Lawatan tapak juga akan

dilaksanakan oleh UPEN dan jabatan/agensi pelaksana dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : DENGGI**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Sila bekalkan pecahan bilangan kes denggi untuk Negeri Selangor mengikut bulan?
- Sila nyatakan bilangan kompaun yang telah dikeluarkan akibat kesalahan tempat pembiakan?

**JAWAPAN:**

- Pecahan bilangan kes denggi untuk Negeri Selangor mengikut bulan:

Bulan	Bil Kes
Januari	9415
Februari	6797
Mac	4782
April	3118
Mei	2831
Jun	3188

- Bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akibat kesalahan tempat pembiakan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>BILANGAN KOMPAUN (BEMULA JANUARI – JUN 2020)</b>
1.	MBSA	385 kompaun
2.	MBPJ	135 kompaun
3.	MPK	156 kompaun
4.	MPSJ	3 kompaun
5.	MPAJ	38 kompaun

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>BILANGAN KOMPAUN (BEMULA JANUARI – JUN 2020)</b>
6.	MPS	Tiada
7.	MPSP	40 notis kacau ganggu
8.	MPKJ	2 notis kacau ganggu
9.	MPKL	Tiada
10.	MDKS	135 kompaun
11.	MDHS	Tiada
12.	MDSB	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : RUMAH IBADAH BUKAN ISLAM**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dan langkah yang diambil untuk memeriksa dan mengawal selia aktiviti beribadah di rumah ibadah bukan Islam agar ianya dilakukan selaras dengan prosedur pemeliharaan kesihatan dan keselamatan berkait dengan wabak covid-19?

**JAWAPAN:**

Jawapan ini dijawab bersekali dengan soalan 193 (b) berkaitan langkah Kerajaan Negeri di dalam mengawal selia aktiviti ibadah di dalam rumah ibadat selain Islam selaras dengan prosedur pemeliharaan kesihatan dan keselamatan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan penyebaran Wabak Covid-19.

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan peka terhadap kebajikan masyarakat yang ingin menjalankan aktiviti ibadah di rumah-rumah ibadat termasuk rumah ibadat selain Islam. Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kebenaran pembukaan semula Rumah Ibadat Selain Islam kepada orang awam telah dirangka oleh Selangor Task Force Covid-19 (STFC) pada Jun 2020 yang lalu dan SOP ini telah dibentangkan pada satu taklimat yang diadakan pada 18 Jun 2020 dan dihadiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ketua-ketua persatuan agama induk, jabatan-jabatan yang berkaitan serta pengamal media. Sebagai tambahan, SOP ini juga telah diedarkan kepada agensi di bawah kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Negeri Selangor (**JPNIN**), **Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor (MKN Selangor)** dan **Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Selangor (Polis Diraja Malaysia)** pada 30 Jun 2020 yang lalu.

SOP ini telah menetapkan kebenaran untuk hadir ke Rumah Ibadat Selain Islam dengan mengambil kira pengelasan peringkat umur serta tahap Kesihatan bagi individu yang dibenarkan hadir ke rumah ibadat. Selain itu, persiapan dari segi logistik dan kehadiran maksimum juga diambil kira di dalam SOP tersebut. Setiap rumah ibadat perlu mempunyai pegawai yang bertanggungjawab menjaga logistik dan mengawal arah laluan serta penjarakan sosial tempat duduk.

Selain itu juga, SOP tersebut telah menetapkan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan dilarang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini berjalan.

Rumah-rumah ibadat selain Islam juga disarankan untuk membuat penjejakan kontak melalui sistem SELangkah. Kod QR SELangkah ini perlu diletakkan di pintu masuk dan keluar yang mana akan membantu memudahkan penjejakan kontak sekiranya terdapat jangkitan Covid-19 di sesuatu lokaliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SOP TINDAKAN PENGUATKUASAAN SAMPAH HARAM**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Bolehkah Kerajaan Negeri menerangkan SOP arahan PTGS bil.1/2019 yang baru diperkenalkan bagi mengekang aktiviti tapak pelupusan sampah haram?
  - b) Berapakah jumlah pengusaha tapak pelupusan sampah haram yang telah diambil tindakan undang-undang?

**JAWAPAN:**

- a) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 1/2019 berkenaan *Standard Operating Procedure (SOP) Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak Pelupusan dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor*.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2017 bertarikh 13 Disember 2017 dan disahkan oleh MMKN ke 1/2018 telah mengarahkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan tegas terhadap aduan-aduan daripada penduduk tempatan berkaitan kacau ganggu yang ditimbulkan oleh pemilik premis.

SOP ini juga telah menggariskan tatacara untuk digunakan oleh setiap PDT dan PBT untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Bagi pihak PDT, terdapat **empat (4)** seksyen di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) yang memperuntukkan kuasa bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan. Yang pertama sekali adalah tindakan di bawah **seksyen 127 KTN**. Tindakan yang perlu dijalankan di bawah seksyen ini adalah Pentadbir Tanah hendaklah menjalankan rondaan berdasarkan aduan yang diterima serta menyediakan data bancian. Seterusnya Pentadbir Tanah menjalankan siasatan lanjut dan sekiranya terdapat kebarangkalian berlakunya perlanggaran syarat, Notis dalam Borang 7E iaitu Notis Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda hendaklah disampaikan kepada Pemilik Berdaftar Tanah.

Kegagalan Pemilik Berdaftar Tanah untuk memberikan tunjuk sebab yang memuaskan, Pentadbir Tanah bolehlah mengeluarkan perintah bayaran denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) kepada pemilik berdaftar tanah/premis.

**Seksyen 128 KTN** memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menjalankan pemantauan berdasarkan aduan yang diterima dan seterusnya Pentadbir Tanah hendaklah menyemak sama ada tanah yang diadu tersebut diberimilik sebelum atau selepas wujudnya KTN.

Sekiranya pemberimilikan selepas wujudnya KTN, Pentadbir Tanah hendaklah menyerahkan Notis dalam Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) kepada pemilik berdaftar tanah dengan mengambil kira kewajaran bagi pemilik berdaftar tanah untuk memulihkan tanahnya. Maksimum tempoh masa adalah selama 90 hari. Jika notis ini tidak dipatuhi maka Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan di bawah seksyen 129 KTN.

Manakala bagi tanah-tanah yang diberimilik sebelum KTN adalah tertakluk kepada seksyen 53 KTN iaitu penggunaan sebahagian tanah untuk aktiviti pertanian atau perindustrian atau bangunan adalah tidak melanggar syarat nyata tanah.

**Seksyen 129 KTN** memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan Notis dalam Borang 7B (Notis Supaya Menunjukkan Sebab) kepada pemilik berdaftar tanah. Pentadbir Tanah hendaklah memberikan suatu tempoh masa yang dianggap munasabah dengan mengambil kira luas tanah dan binaan struktur di atas tapak sebelum tindakan di bawah seksyen 130 KTN dilaksanakan.

**Seksyen 130 KTN** memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menyiaran dalam Warta pemberitahuan berkenaan pelucutahan dalam Borang 8A (Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan). Mana-mana tanah yang telah dirampas akibat pelanggaran syarat akan dilucutak dan menjadi tanah Kerajaan di bawah seksyen 131 KTN.

- b) Jumlah tindakan **Notis 7A** dan **7B** yang telah dikeluarkan daripada tahun **2016 – 2020** adalah sebanyak **82** dan **25 Notis** manakala jumlah tindakan **Notis 8A** yang telah dikeluarkan adalah sejumlah **sembilan (9) Notis**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan PeBT untuk tahun ini memandangkan aktiviti melibatkan orang ramai tidak digalakkan?

**JAWAPAN:**

- a) Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 dan dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020 bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19, sekaligus, telah memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti sosial termasuklah perlaksanaan program-program PeBT di setiap PBT terutamanya yang melibatkan penyertaan ramai belia.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan agenda pembangunan Generasi Muda Selangor terus terlaksana, PeBT perlu bergerak ke hadapan dengan memanfaat kemudahan teknologi digital terkini seperti platform media sosial bagi menganjurkan program secara atas talian yang seiring dengan trend norma baharu pada masa ini, di samping, penekanan kepada aktiviti-aktiviti berbentuk kesukarelawanan yang mematuhi ketetapan-ketetapan ‘SOP’. Antara program-program PeBT yang dijalankan adalah seperti berikut :-

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
1.	PeBT MDKS	Program Bantuan Barang Asas kepada Penduduk yang terjejas akibat Covid  Tempat: Jeram, Sungai Buloh , Bandar Baru Kuala Selangor dan Taman Bayu Pasir Penambang	10 April 2020	

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
2.	PeBT MPAJ	Program Agihan Makanan kepada Para Petugas Pusat Darah Negara  Masa: 12 tengah hari Tempat: Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur	15 April 2020	
3.	PeBT MPAJ	Program Agihan Bantuan Khas Covid kepada kumpulan belia kurang bernasib baik, OKU dan Warga Emas di sekitar Ampang	22 April 2020	
4.	PeBT MPAJ	Program Edaran Topeng Muka Percuma di sekitar Ukays Perdana	24 April 2020	
5.	PeBT MPSepang	Tazkirah Ramadan Online bersama Sdr. Mohd Uzair Mohd Fauzi, Pengurus PeBT Zon Cyberjaya Majlis Perbandaran Sepang  Masa: 12.30 tengah hari 3,300 viewers	29 April 2020	Facebook
6.	PeBT MPAJ	Program Bantuan Mangsa Banjir di Kampung Kemensah, Hulu Kelang (40 keluarga)	30 April 2020	

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
7.	PeBT MPSepang	<p>Tazkirah Ramadan Online bersama Saudara Syahmi A Rah, Pengurus PeBT Zon BBST Utara Majlis Perbandaran Sepang</p> <p>Masa: 10 malam</p>	9 Mei 2020	Facebook
8.	PeBT MBSA	<p>Siri Sembang Santai Anak Muda</p> <p>Topik: Ramadan &amp; Covid-19: Pengalaman di Perantauan</p> <p>Masa: 9 malam</p> <p>Penalis: Nur Izzah Fakharuldin</p> <p>Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di Turki</p>	17 Mei 2020	Facebook
9.	PeBT MBSA	<p>Siri Sembang Santai Anak Muda</p> <p>Topik: Raya Di Musim PKPB: Anak Muda Apa Cerita?</p> <p>Masa: 10 malam</p> <p>724 viewers</p> <p>Panelis:</p> <p>Ustaz Abd Rahman Alhakim</p> <p>Universiti Ummul Qura, Mekah</p>	21 Mei 2020	

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
10.	PeBT MBSA	<p>Siri Sembang Santai Anak Muda</p> <p>Rumah Terbuka: Yay or Nay?</p> <p>Masa: 10 malam 1,345 viewers</p> <p>Panelis: Dr Nurul Yaqeen Mohd Esa, Pakar Perunding Perubatan &amp; Paru- Paru Sunway Medical Centre Velocity Kuala Lumpur</p>	22 Mei 2020	Facebook
11.	PeBT MBSA	<p>Siri Sembang Santai Anak Muda Edisi Raya</p> <p>Rumah Terbuka 'Online' PeBT Selangor</p> <p>Masa: 9 malam 1,829 viewers</p>	27 Mei 2020	Facebook
12.	PeBT MBSA	<p>Siri Sembang Santai Anak Muda Edisi Raya</p> <p>Rumah Terbuka 'Online' PeBT Selangor</p> <p>Masa: 9 malam 2,777 viewers</p>	28 Mei 2020	Facebook
13.	PeBT Induk	<p>Aktiviti santai sosial "Food Review"</p> <p>Masa: 2 petang 823 viewers</p>	13 Jun 2020	Facebook

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
14.	PeBT MBSA	Konvoi Belia Seksyen 7 Shah Alam Ke Cameron Highlands  Masa: 8 pagi 9 peserta Program dijalankan ikut SOP PKP	21 Jun 2020	
15.	PeBT MPSepang	Operasi Pembersihan Pasca Banjir Mukim Labu, Sepang  Masa: 8 pagi	27 Jun 2020	
16.	PeBT MBSA	Program Asas Pembaikan Motor dan Tukar Minyak Hitam  Tempat: KLM Motor (Jalan kampung Iombong, Seksyen 29) Masa: 12 tengah hari  Percuma, terhad 300 peserta  Aktiviti dijalankan ikut SOP PKP dan PBT	27 dan 28 Jun 2020	
17.	PeBT MBSA	Siri Sembang Santai Anak Muda  Memperkasakan Kepimpinan Wanita Muda  Masa: 9 malam  541 viewers		

BIL.	PeBT	PROGRAM	TARIKH	PLATFORM
		Panelis: 1. Saudari Nurul Hawa, Timbalan Pengurus Induk PeBT MBSA merangkup Pengurus PeBT MBSA Zon 1 2. Saudari Aqmalia Souhkri, Pengurus PeBT MBSA Zon 13	30 Jun 2020	Facebook
18.	PeBT MBSA	Siri Sembang Santai Anak Muda  Topik: Impak COVID-19: Cabaran dan Pelan Tindakan terhadap Ekonomi Anak Muda  Masa : 9 malam 759 viewers Panelis: Dr. Madeline Berma Felo Akademi Sains Malaysia	9 Julai 2020	Facebook

Meskipun, kita sedang mengharungi persekitaran norma baharu, Kerajaan Negeri tetap komited menggalakkan para belia untuk kekal aktif dalam aktiviti-aktiviti berfaedah melalui penglibatan mereka dalam program sukan berbentuk ‘virtual’ yang menjadi **‘Sukan Era Baharu’** pada masa ini. Program ‘Selangor Xtiv Virtual 2020’ adalah inisiatif yang menyediakan peluang kepada perkembangan bakat-bakat baharu dan merancakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi. Sejak dilancarkan pada Mei hingga ke hari ini, sebanyak **85,031 penyertaan** telah direkodkan, sekaligus, menunjukkan program ini terus mendapat sambutan dalam kalangan para belia. Program-program ‘Selangor Xtiv Virtual 2020’ yang dianjurkan adalah seperti berikut :-

- i. Selangor Xtiv Virtual E-Sports 2020 (SXVE20)
- ii. Gelanggang Selangor Martial Arts Xtiv Virtual 2020 (SMAXV20)
- iii. Selangor Xtiv Virtual Run 2020 (SXVR20)
- iv. Selangor Fifa Pro Club League 2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PENIAGA DAN PENGANGGUR PASCA COVID 19**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan Negeri boleh membantu meringankan beban rakyat Selangor terutama penganggur untuk mencari pekerjaan pasca covid19?.
- b) Bagaimakah pihak PBT boleh membantu peniaga/penjaja kecil yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan pasca covid19 bagi mendapatkan lesen perniagaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pembangunan Generasi Muda, Sukan Dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor akan meneruskan penganjuran Karnival Kerjaya Selangor di Stadium Tertutup Kuala Selangor yang telah ditunda pada 15 Mac 2020 yang lalu kerana Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan berikutan penularan Covid 19. Karnival kerjaya dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ini akan menawarkan peluang pekerjaan terbuka kepada rakyat Selangor yang berumur dari 18 hingga 60 tahun. Sebanyak 30 majikan terpilih akan mengadakan temuduga terbuka mengikut garis panduan Majlis Keselamatan Negara yang telah ditetapkan.

Selain itu, perancangan Program Pembangunan Modal Insan pasca Covid 19 berkonsepkan latihan di mana program ini bukan sahaja mensasarkan khusus kepada golongan belia malah terbuka kepada remaja, wanita, veteran, dan komuniti. Program ini akan memfokuskan aspek kemahiran nilai tambah yang dapat menjana pendapatan individu dan juga keluarga. Ini bagi memastikan rakyat Selangor bijak untuk mencari peluang selain membantu mengurangkan kadar pengangguran di Selangor serta menerapkan budaya mencipta pekerjaan sendiri berbanding kebergantungan ekonomi individu terhadap pasaran kerja. Medium latihan adalah terdiri daripada latihan di dalam kelas dan latihan secara maya. Kerajaan Negeri Selangor juga akan berkerjasama dengan pusat latihan seperti Kolej Komuniti dan Giat Mara untuk memperkasa kemahiran dengan nilai tambah

bagi rakyat Selangor. Di samping itu, MBI Selangor juga turut mengambil inisiatif dalam perancangan program mempertingkat kemahiran belia di mana jaminan pekerjaan akan diberikan kepada peserta program setelah tamat tempoh latihan bersama syarikat – syarikat yang terlibat.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai jalinan kerjasama dengan pihak JobsMalaysia di mana laman web JobsMalaysia berfungsi sebagai padanan dan carian pekerjaan atas talian bagi seluruh rakyat Malaysia. Pencari kerja khususnya rakyat Selangor boleh mendaftar di laman web [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) untuk mencari pekerjaan semasa pasca Covid 19 dan mendapat notifikasi padanan pekerjaan melalui emel yang telah didaftarkan secara percuma.

- b) PBT sememangnya prihatin terhadap peniaga/ penjaja kecil yang terjejas. Justeru itu tindakan PBT untuk membantu peniaga/penjaja kecil yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan pasca Covid19 bagi mendapatkan lesen perniagaan adalah seperti berikut:
  - i) Memudahkan permohonan permit penjaja secara atas talian (*online*);
  - ii) Promosi tapak-tapak penjaja dan kiosk yang kosong mengikut SOP;
  - iii) Membuat sistem giliran kepada tapak yang ramai penjaja agar semua berpeluang memulakan perniagaan;
  - iv) Pembukaan peluang penajaran baharu seperti hub lemang, buah bermusim; dan
  - v) Melaksanakan segera arahan untuk membenarkan memulakan perniagaan mengikut SOP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR**  
**(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan serta langkah kerajaan bagi mengimbangkan jurang pembangunan di antara luar bandar dan bandar agar tidak jauh ketinggalan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, telah mengambil pendekatan pembangunan bandar yang inklusif dan saksama di seluruh Negeri Selangor dengan turut juga memberi penekanan terhadap aspek pembangunan di kawasan luar bandar.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam ucapan Belanjawan Selangor tahun 2020 yang lalu telah menyampaikan hasrat dan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan semua lapisan masyarakat menikmati semua usaha pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan serta mempunyai hak dan peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi mahupun pembangunan fizikal dan sosial.

Pelbagai langkah dan strategi telah dirangka dan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar dapat diimbangi agar tidak jauh ketinggalan seperti dengan menaik taraf kemudahan asas dan kemudahan infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan berstatus Majlis Daerah serta melancarkan Skim Air Darul Ehsan.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memperkenalkan Pengurusan Sisa Pepejal Kawasan Desa yang lebih teratur bagi menguruskan sisa pepejal domestik di kawasan kampung-kampung di dalam Negeri Selangor untuk menangani isu longgokan sampah yang tidak terkawal serta pembuangan sampah oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab. Sebagai bukti komitmen dan kesungguhan tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM6.85 juta untuk pengurusan sisa pepejal dan sampah pukal strata bagi tahun 2020 kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak memiliki dana yang mencukupi bagi

menyelesaikan masalah ini demi memastikan pengurusan kutipan sampah dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Kesedaran berhubung kepentingan kitar semula dan peluang ekonomi yang boleh dijana oleh penduduk kampung turut diterapkan sebagai persediaan kepada penduduk luar bandar di dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih baik melalui Program Kitar Semula Kampung Tradisi yang dilancarkan pada tahun ini.

Kerajaan Negeri berkeyakinan bahawa program Kitar Semula Kampung Tradisi ini merupakan suatu langkah segera dan mempunyai penyelesaian bagi jangka panjang yang boleh dicapai. Pengwujudan pusat-pusat kitar semula di kawasan kampung dalam Negeri Selangor yang terpilih sebagai perintis diyakini berupaya untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat luar bandar akan kepentingan kitar semula ini.

Selain itu, pelbagai program-program yang memfokuskan pemberdayaan ekonomi warga desa dan kampung tradisi serta meningkatkan taraf sosial rakyat negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri turut dirangka. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi telah melaksanakan program Sarang Ekonomi Desa semenjak tahun 2019 sebagai satu inisiatif baharu untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan golongan B40 di luar bandar melalui pemerkasaan pengusaha kegiatan ekonomi desa serta mewujudkan ekonomi luar bandar yang berdaya saing, selaras dengan matlamat untuk mengangkat jenama *Made In Selangor*.

Terkini, pada 24 Jun 2020 yang lalu Kerajaan Negeri telah melancarkan Majlis Pelancaran Web Portal dan aplikasi Rantaian E-Bekalan Digital Selangor (SELDEC) Rider. Melalui aplikasi SELDEC Rider, seramai hampir 300 penunggang motosikal telah mendaftar sebagai penghantar barang secara sambilan. Sambutan menggalakkan ini membantu usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan ekonomi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) luar bandar yang menyertai SELDEC semenjak dilancarkan pada Oktober 2019. Penularan Wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyaksikan ramai golongan belia mendaftar sebagai Seldec Rider bagi menambah pendapatan sampingan. Kerajaan Negeri juga senantiasa menyemak, mengkaji dan merancang dari semasa ke semasa keperluan rakyat terutama di luar bandar bagi memastikan keperluan dari segi pembangunan asas fizikal dan sosial dapat dipenuhi seiring dengan cita – cita Kerajaan Negeri untuk merealisasikan impian menjadikan negeri Selangor sebagai *Premier Regional Smart State 2025*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH**  
**(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : KEBERSIHAN SUNGAI BERHAMPIRAN INDUSTRI TERNAKAN KHINZIR  
DI DUN TANJUNG SEPAT**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tahap indeks kualiti air sungai di DUN Tanjung Sepat yang berdekatan dengan setiap lokaliti industri ternakan khinzir
- b) Apa mekanisme JPS Kuala-Langat dan Sepang dalam memastikan tahap indeks-kualiti air sentiasa dalam tahap kebersihan yang maksimum di sekitar industri ternakan tersebut

**JAWAPAN:**

- a) Lembaga tiada data dan maklumat bagi perkara ini memandangkan tiada stesen pemantauan sama ada automatik mahupun manual di kawasan yang ditanyakan.

Dicadangkan maklumat diperoleh daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi stesen pemantauan di kawasan sekitar termasuk stesen air marin, jika ada.

Stesen pemantauan kualiti air sungai hanya berada di dalam Lembangan Sungai Langat dan yang terdekat dengan Tanjung Sepat adalah Stesen Sungai Batang Labu di Kampung Orang Asli Bukit Tadong yang jaraknya 18 km dari Tanjung Sepat. Indeks Kualiti Air Sungai di Stesen ini adalah Kelas Ketiga.

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air di kawasan sekitar tersebut dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepada dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

### **Maklumat tambahan**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Untuk makluman, penternakan khinzir di DUN Tanjung Sepat dikawalselia oleh Jabatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar di mana Jabatan tersebut mengawal kualiti pelepasan air kumbahan sebelum masuk ke dalam sungai yang terdekat. Jabatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar akan melaksanakan pemantauan berkala dengan membuat persampelan kualiti air untuk memastikan tahap indeks-kualiti air di kawasan berkenaan berada dalam tahap kebersihan maksimum. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) hanya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai yang melibatkan skop kerja pengorekan dan juga pemberian tebing sekiranya perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU BANJIR DI KAWASAN TAMAN HARMONI, BALAKONG**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri dapat mengatasi masalah banjir di Taman Harmoni, Balakong yang telah berlaku lebih daripada 10 Tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan lawatan tapak yang telah dijalankan pada 28 April 2020 bersama ADN Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah dan Ahli Majlis Encik Thiagarajah a/l Rajagopal mendapati punca banjir disebabkan oleh sistem saliran *box culvert* dan longkang monsun di kawasan pentadbiran MPSJ terlampau kecil dan sering tersumbat oleh sampah-sarap menyebabkan aliran air *back flow* ke kawasan pentadbiran MPKj. Berdasarkan lawatan tersebut itu juga pihak ADN Seri Kembangan akan mengaturkan satu mesyuarat khas diantara pihak MPSJ dan MPKj bagi menyelsaikan masalah tersebut bergantung kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.